

CONTOH ITEM BAHAGIAN B

[70 markah]

CONTOH ITEM DOMAIN AWAM

Setiap rakyat Malaysia secara purata membuang 0.8 kilogram sampah setiap hari. Jumlah ini cukup untuk memenuhi Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC) dalam jangka masa sembilan hari setengah sahaja. Aktiviti kitar semula dikenal pasti sebagai salah satu cara paling berkesan untuk mengurangkan sampah sisa pepejal. Namun demikian, dikatakan tahap kesedaran masyarakat terhadap amalan kitar semula masih rendah.

Sumber: *Utusan Online*, 16 Januari 2018

Petikan akhbar di atas menyatakan bahawa aktiviti kitar semula merupakan kaedah terbaik untuk mengurangkan sampah sisa pepejal. Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan kitar semula kerana kesedaran terhadap amalan tersebut masih rendah. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki menulis sebuah rencana bagi menggalakkan masyarakat mengamalkan kitar semula. Tajuk rencana tersebut ialah ‘Usaha-usaha Menggalakkan Amalan Kitar Semula’.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

CONTOH ITEM DOMAIN PERIBADI

“Berdasarkan pemerhatian saya, sikap orang ramai masih belum berubah kerana sifat-sifat yang baik seperti belas ihsan, sopan santun, sabar, merendah diri, toleransi dan hormat- menghormati belum menjadi cara hidup kita. Lebih banyak lagi perlu dilakukan untuk menyemai nilai-nilai murni ini dalam kalangan rakyat Malaysia terutamanya generasi muda.”

Dipetik daripada ucapan
Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye
Utusan Malaysia 12 Julai 2018

Sebagai respons terhadap kandungan ucapan di atas, setiap individu perlu memainkan peranan untuk menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat.

Jelaskan peranan-peranan tersebut.



CONTOH ITEM DOMAIN PENDIDIKAN

Pada masa ini, mata pelajaran Sejarah bukanlah satu mata pelajaran yang asing kepada murid-murid. Sejak sekolah rendah, murid sudah mula berkenalan dengan mata pelajaran Sejarah. Menyedari kepentingan mata pelajaran Sejarah kepada generasi muda, maka mata pelajaran tersebut dijadikan mata pelajaran wajib lulus bagi semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013.

Sumber : Internet

Petikan di atas menyatakan maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran Sejarah dan kepentingan mempelajarinya.

Bincangkan kepentingan-kepentingan mempelajari mata pelajaran Sejarah.

CONTOH ITEM DOMAIN KERJAYA

Perkembangan pesat sektor pertanian di Malaysia boleh dikaitkan dengan alam semula jadi, iaitu mempunyai tanah yang kaya dengan mineral, corak taburan hujan yang baik dan bekalan air yang mencukupi untuk pertumbuhan tanaman. Kini produk pertanian Malaysia tidak terhad kepada hasil ladang seperti sawit, getah dan koko yang menjadi komoditi besar negara.

Sumber : BH Online, Sabtu, 7 Julai 2017

Petikan akhbar menerangkan bahawa Malaysia merupakan negara yang sesuai untuk aktiviti pertanian. Walaupun sektor ini boleh menjamin masa depan akan tetapi kerjaya dalam sektor pertanian dikatakan kurang diminati oleh generasi muda.

Huraikan usaha-usaha yang seharusnya dilakukan untuk menarik minat generasi muda menceburkan diri dalam bidang pertanian.

